

**NO. SOALAN: 20**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY  
[ KOTA KINABALU ]**

**TARIKH : 9 JUN 2015**

**RUJUKAN : 7931**

**SOALAN:**

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [ Kota Kinabalu ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan terperinci terhadap pengharaman  
buku Peter Mojuntin "The Golden Son Of Kadazandusun" dan bila  
Kementerian akan menarik balik pengharaman buku ini.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Penerbitan bertajuk “The Golden Son of the Kadazan” karya Bernard Sta Maria telah dikenakan tindakan perintah larangan di bawah Perintah Keselamatan Dalam Negeri (Tegahan Mengenai Penerbitan) mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960. Tindakan pewartaan ini telah dibuat pada 22 Jun 1978 kerana mungkin memudaratkan kepentingan negara serta keselamatan Persekutuan dan ditegah pengedarannya di seluruh Malaysia.**

**Penerbitan ini dikenakan perintah larangan kerana mengandungi kritikan dan tuduhan terhadap Kerajaan Persekutuan yang antaranya didakwa membuat keputusan tertentu secara sewenang-wenangnya di Sabah dan tidak mengikut perlembagaan dan perjanjian semasa penubuhan Malaysia. Ia termasuk penggunaan ISA, pemberhentian Tun Fuad sebagai Ketua Menteri Sabah, perpisahan Singapura daripada Malaysia dan sebagainya. Penerbitan ini juga cenderung ke arah mencetuskan pergeseran dan perbalahan di kalangan rakyat Malaysia terutamanya di kalangan penganut agama Kristian dan agama Islam. Dengan yang demikian, kandungan buku ini dikhuatiri memudarat atau mungkin memudaratkan keselamatan dan ketenteraman awam jika tidak dikenakan Perintah Larangan.**

**Kementerian Dalam Negeri setakat ini tidak bercadang untuk menarik balik keputusan Perintah Larangan terhadap penerbitan bertajuk “The Golden Son of the Kadazan” kerana buku tersebut masih lagi boleh memudaratkan kepentingan negara serta keselamatan Persekutuan.**